

Produk Penghawa Dingin Jimat Tenaga Raih Pingat Emas dan Anugerah Khas Croatia INOVA

Kuala Lumpur, 18 Februari- Produk penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu “*Novel Lubricant Compressor for Automotive Air Conditioning System*” yang diketuai pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Dr. Wan Azmi Wan Hamzah (FKM) meraih pingat emas dan dianugerahkan Anugerah Khas “Croatia INOVA Special Award dalam Malaysia Technology Expo (MTE) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. UMP juga berbangga dengan kejayaan meraih dua pingat emas, empat pingat perak dan sembilan gangsa.

“Produk penyelidikan yang dibangunkan ini mampu meningkatkan restasi sistem penghawa dingin khususnya yang digunakan pada kenderaan kelebihan produk ini dapat mempertingkatkan kecekapan sistem “*Coefficient of performance*” (COP),” kata Dr. Wan Azmi. Selain itu, ianya “Produk ini juga dapat menjimatkan tenaga penghawa dingin kenderaan.



Emas kedua milik pensyarah Fakulti Sistem Komputer dan kejuruteraan Perisian (FSKPP), Dr. Mohamad Fadli Zolkipli dengan produk penyelidikan yang dikenali sebagai *Hypervisor IDPS : DDOS Prevention tool For Cloud Computing*. Ianya merupakan sistem keselamatan ini digunakan bagi menghalang serangan DDoS ke atas *Cloud Computing* dengan berasaskan hypervisor. Produk ini berjaya menepati keperluan semasa dalam penjimatan kos, kuasa dan pengurusan.

Pingat perak yang diraih oleh penyelidik iaitu Dr. Mohd Shahrir Mohd Sani (FKM) dengan produk “*Heavy Duty Plastic printing Mechanism*”, Profesor Dr Abdurahman Hamid Nour (FKKSA) dengan produk *NS-16-1: A Green Surfactant for*

Crude Oil Stabilization, Dr. Nina Suhaity Azmi (FSTI) dengan produk *De La Cascara : Anti Aging Face Moisturizer* serta *MGS: Intelligent Automatic Test Cases Generator Tool* yang diketuai oleh Dr. Abdulrahman Ahmed Alsewari.

Manakala sembilan pingat gangsa diraih oleh Prof. Madya Dr Arun Gupta (FKKSA) dengan hasil penyelidikan "*Novel Formulation of Biodegradable Materials for Food Packaging*", Prof. Dr. Abdullah Ibrahim (FTek) dengan produk penyelidikan "*Smoke Hazard Predictor in Stairways of Multistorey Building*", Dr. Suryanti Awang (FSKPP) dengan hasil penyelidikan "*A Novel Intelligent Authentication System*".



Prof. Dr Hayder A Abdulbari (FKKSA) dengan produk penyelidikan *PD2-PRO (Portable Dengue Detector)*, Prof. Madya Dr. Maksudur Rahman Khan (FKKSA) dengan penyelidikan "*Li-ION Battery From Industrial Waste Water*", Prof. Madya Dr. Ir Said Nurdin (FKKSA) dengan hasil penyelidikan "*E-KALFASOF : Eco-Friendly Kaffir Lime-Lemongrass Fabric Softener*".

Lain-lain adalah Dr. Rahmah Mokhtar (FSKPP) dengan hasil penyelidikan "*MYHeritage: An Augmented Reality Technology Application*", Prof. Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff (FKP) dengan produk "*Active Speed Modulation for Machining Chatter Suppression*", serta Dr. Abdulrahman Ahmed Alsewari (FSKPP) dengan menghasilkan penyelidikan "*IoTCTT: IoT Combinatorial Testing Tool*."

Dalam pada itu, reruai (booth) UMP dianugerahkan tempat pertama bagi "*Best Booth (Bare space Category)*" dengan menerima trofi serta sijil penghargaan. Pameran MTE ini disertai lebih 500 pempamer dan dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Dato' Norhalim Yunus.



Disediakan Mohd. Shahri Mohd. Akhir dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 24-02-2017, 12:30:42